

**PENEROKAAN ELEMEN BAHAN BANTU MENGAJAR YANG MENYOKONG
PENINGKATAN KEMAHIRAN KOMUNIKASI BAHASA ARAB DALAM
KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH SETIU,
TERENGGANU**

Muhammad Amir Mirza Abdull Majid & Mohammad Taufiq Abdul Ghani*

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

**Corresponding author: agtaufiq@gmail.com*

Published: 18 April 2024

To cite this article (APA): Abdull Majid, M. A. M., & Abdul Ghani, M. T. (2024). Penerokaan Elemen Bahan Bantu Mengajar yang menyokong Peningkatan Kemahiran Komunikasi Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah di Daerah Setiu, Terengganu. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 17(1), 105–115. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.1.10.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.1.10.2024>

ABSTRAK

Kemahiran berkomunikasi merupakan salah satu asas kemahiran berbahasa bahasa Arab. Walaupun majoriti pelajar Malaysia belajar bahasa Arab bermula di peringkat sekolah rendah, tahap asas komunikasi mereka masih di tahap sederhana. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka elemen bahan bantu mengajar yang menyokong peningkatan kemahiran komunikasi Bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah di daerah Setiu, Terengganu. Kajian ini merupakan kajian kualitatif melibatkan sepuluh responden guru sebagai sumber pemberi maklumat utama. Responden dipilih menerusi teknik persampelan bertujuan di mana kesemua responden mampu untuk memberi maklumat yang mendalam berkaitan isu yang dikaji. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga elemen utama yang menyokong bahan bantu mengajar dalam meningkatkan tahap komunikasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar iaitu ciri-ciri bahan bantu mengajar, perancangan pembangunan bahan bantu mengajar dan keberkesanan bahan bantu mengajar. Kesemua elemen yang diterapkan oleh guru memberi impak positif terhadap peningkatan kemahiran komunikasi pelajar. Kesimpulannya, kajian ini menyokong penggunaan bahan bantu mengajar yang mempunyai elemen tersebut bagi meningkatkan kemahiran komunikasi bahasa Arab pelajar. Penerapan strategi pengajaran yang melibatkan pelbagai kaedah dapat membantu mengatasi cabaran yang dihadapi oleh pelajar. Oleh itu, inisiatif untuk memperkukuhkan elemen bahan bantu mengajar perlu diberi penekanan untuk meningkatkan tahap kemahiran berkomunikasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah di daerah Setiu, Terengganu.

Kata kunci: Bahan bantu mengajar, bahasa Arab, kemahiran komunikasi, pengajaran dan pembelajaran, elemen, kualitatif

ABSTRACT

Communication skills are one of the basics of Arabic language skills. Although the majority of Malaysian students learn Arabic in primary school, their basic level of communication is still at a moderate level. Therefore, this study aims to explore the elements of teaching aids that support the improvement of Arabic communication skills among secondary school students in Setiu district, Terengganu. This study is a qualitative study involving ten teacher respondents as the main source of information. Respondents were selected through a purposive sampling technique where all respondents were able to provide in-depth information related to the issue under study. The findings of the study show that there are three main elements that support teaching aids in improving the level of Arabic language communication among students, namely the characteristics of teaching aids, the development planning of teaching aids, and the effectiveness of teaching aids. All the elements applied by the teacher have a

positive impact on the improvement of students' communication skills. In conclusion, this study supports the use of teaching aids that have these elements to improve students' Arabic communication skills. The application of teaching strategies that involve various methods can help overcome the challenges faced by students. Therefore, the initiative to strengthen the elements of teaching aids needs to be emphasised to improve the level of Arabic communication skills among high school students in Setiu district, Terengganu.

Keywords: Teaching aids, Arabic language, communication skills, teaching and learning, elements, qualitative

PENGENALAN

Pengajaran bahasa Arab telah melebar luas ke seluruh dunia. Bahasa Arab di Malaysia bukanlah satu bahasa yang dianggap asing kerana pengajaran bahasa Arab sudah bermula sejak berkurun lamanya di institusi-institusi pendidikan iaitu sekolah Arab, madrasah, sekolah agama dan pondok. Hal ini dapat dilihat di negara Brunei Darussalam, bahasa Arab telah diajarkan di sekolah Arab di bawah Kementerian Hal-ehwal Ugama dan diperluaskan ke Sekolah Menengah di bawah Kementerian Pendidikan. Di Brunei, Kementerian Pendidikan telah menjadikan bahasa Arab sebagai salah satu bahasa pengantar dalam pengajaran yang dapat memantapkan lagi kemahiran dan kefasihan pelajar dalam berbahasa Arab di samping mengukuhkan objektif pendidikan di negara tersebut (Zakaria et al, 2017).

Dalam konteks di Malaysia, pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab bukanlah satu perkara yang asing dan mempunyai kedudukan yang unik dalam sistem pendidikan Malaysia kerana penggunaannya dipelajari sejak dari peringkat rendah persekolahan sehinggalah ke peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang sebelumnya hanya diajar di pondok-pondok. Individu yang dapat menguasai bahasa Arab akan memperoleh beberapa kelebihan dalam bidang keagamaan, bahasa dan kesusasteraan, komunikasi, serta pendidikan (Saufi et al, 2023; Nurul Amalia et al., 2022).

Kemahiran komunikasi dalam bahasa Arab yang merupakan salah satu kemahiran daripada kemahiran-kemahiran yang dapat dipraktikkan dalam bahasa Arab. Kamus Dewan edisi keempat, mendefinisikan kemahiran sebagai kecekapan dan kepandaian manakala komunikasi pula didefinisikan sebagai perhubungan secara langsung atau dengan perantaraan media massa. Daripada makna tersebut dapat disimpulkan bahawa kemahiran komunikasi merupakan kecekapan dan kepandaian seseorang untuk berinteraksi dan berhubung dengan orang lain. Kemahiran komunikasi juga menjadi satu aspek dan matlamat yang ingin dicapai oleh orang bukan penutur jati pada era ini. Kemahiran komunikasi bahasa Arab kini menjadi satu matlamat yang membolehkan seseorang itu berkomunikasi dengan penutur jati bahasa asing dalam pelbagai urusan peribadi, kerja atau negara. Hal ini kerana bahasa Arab juga merupakan bahasa perantaraan bagi perdagangan, perhubungan antarabangsa ilmu pengetahuan dan politik bagi masyarakat dunia kini (Ghani & Daud, 2023).

Kemahiran komunikasi mengandungi empat elemen penting iaitu suara, bahasa, pemikiran dan prestasi. Sebutan dan pertuturan merupakan dua perkara yang perlu dititikberatkan dalam kemahiran komunikasi atau bertutur. Sebutan dan pertuturan yang baik akan menjadikan komunikasi berlaku dengan lancar tanpa berlaku salah faham. Zulharby et al. (2019) dan Zamri et al, (2019), mencadangkan beberapa prinsip yang dapat digunakan dalam kemahiran bertutur iaitu pembelajaran yang dilaksanakan perlu disatukan dengan kurikulum bahasa dan komunikasi yang mempunyai kaitan dengan kehidupan sebenar pelajar luar dari persekitaran kelas.

Dalam usaha menjamin kelangsungan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP), guru merupakan tunjang utama dalam melahirkan pelajar yang berketerampilan dan berkemahiran dalam mempelajari mana-mana bahasa khususnya bahasa Arab. Hal ini kerana guru dianggap elemen yang mampu menukar corak dan landskap pendidikan bahasa Arab. Kreativiti dan kemahiran yang tinggi diperlukan oleh seorang guru dalam usaha mewujudkan pembelajaran bahasa Arab lebih bermakna dan berkesan selaras dengan sistem pendidikan Malaysia serta keperluan para pelajar (Abdul Razif Zaini et. al, 2020).

LATAR BELAKANG KAJIAN

Penggunaan bahan bantu mengajar yang tidak mencukupi adalah salah satu faktor yang mendorong kepada masalah kemahiran komunikasi dalam bahasa Arab (Zaini et al., 2020a; Zaini et al., 2020b). Penggunaan bahan bantu mengajar yang mencukupi dan bersesuaian dengan tahap pelajar akan memudahkan pelajar dalam menguasai pengajaran yang disampaikan oleh guru. Ketidaksesuaian bahan bantu mengajar dalam sesuatu aktiviti bahasa yang digunakan dan dilaksanakan oleh guru ketika pengajaran kemahiran bertutur dalam bahasa Arab menyebabkan pelajar kurang berminat dengan pembelajaran yang dilaksanakan (Siti Salwa et al., 2021). Penggunaan bahan bantu mengajar yang tidak sesuai dengan subjek bahasa Arab menjadi satu aspek kritikal dalam pembangunan kemahiran komunikasi pelajar. Zaini et al. (2020a) telah menggariskan bahawa ketidaksesuaian ini boleh merencatkan proses pembelajaran, terutamanya dalam proses peningkatan kemahiran berkomunikasi bahasa Arab.

Penggunaan bahan bantu mengajar yang tidak relevan dengan konteks bahasa Arab atau tidak mencerminkan budaya pelajar masa kini mungkin menyebabkan kurangnya daya tarikan terhadap pembelajaran. Bahan bantu mengajar yang tidak menyokong perkembangan murid dalam berkomunikasi turut dapat menggugat minat pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab (Siti Salwa et al., 2021). Aspek keberkesanan bahan bantu mengajar menjadi penting dalam membentuk suasana pembelajaran yang dinamik dan memotivasi pelajar untuk terus aktif berkomunikasi dalam bahasa Arab.

Bahan bantu mengajar yang tidak memenuhi kehendak dan keperluan semasa pelajar dalam berkomunikasi boleh memberi impak yang negatif terhadap kemahiran berkomunikasi dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (Zaini et al., 2020b). Oleh itu, pentingnya penyelarasan bahan bantu mengajar dengan keperluan semasa dan konteks komunikasi harian pelajar menjadi suatu keutamaan. Bahan bantu mengajar merupakan elemen utama yang menyokong kelancaran sesi pengajaran dan pembelajaran. Jika bahan bantu mengajar tidak berkesan kepada pembelajaran, aspek ini perlu mendapat perhatian serius dalam meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Keberkesanan bahan bantu mengajar boleh dinilai melalui reaksi dan prestasi pelajar. Kesedaran terhadap kelemahan bahan bantu mengajar yang tidak memberikan impak positif terhadap pembelajaran dapat membantu guru dan pihak pengurusan sekolah untuk merancang dan melaksanakan penambahbaikan yang diperlukan bagi meningkatkan tahap kemahiran komunikasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka elemen-elemen khusus yang perlu dititik beratkan oleh para guru bahasa Arab bagi memastikan tahap kemahiran berkomunikasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar meningkat. Bahan bantu mengajar yang memenuhi keperluan dan kehendak pelajar masa kini dapat membantu meningkatkan motivasi pelajar untuk terus berkomunikasi dalam bahasa Arab semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, elemen-elemen ini juga dapat membantu para guru bagi memastikan bahan bantu mengajar yang digunakan memberi impak yang positif dan memastikan kelancaran dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan melibatkan responden kajian seramai 10 orang guru bahasa Arab di daerah Setiu, Terengganu. Responden kajian dipilih melalui teknik persampelan bertujuan yang melibatkan pemilihan responden berdasarkan kriteria tertentu untuk memastikan latar belakang dan pengalaman memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh penyelidik. Penyelidik dengan teliti mempertimbangkan ciri-ciri ini untuk mengumpul maklumat terperinci. Metodologi ini membolehkan penyelidik memperoleh data yang komprehensif dengan mempertimbangkan banyak perspektif responden. Ciri-ciri responden adalah seperti berikut:

1. Responden merupakan guru bahasa Arab di daerah Setiu, Terengganu.
2. Responden memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Arab atau setara.
3. Responden memiliki sijil ikhtisas pendidikan.
4. Responden memiliki pengalaman mengajar melebihi lima tahun.
5. Responden mampu untuk memberi komitmen sepanjang tempoh kajian dijalankan.
6. Responden tidak mempunyai apa-apa kepentingan terhadap kajian ini dan mana-mana pemegang taruh.

Sesi temubual separa berstruktur dijalankan dengan menggunakan teknik kumpulan berfokus yang terdiri daripada tiga hingga lima orang guru. Setiap sesi temubual ini mengambil tempoh antara 45 hingga 60 minit. Temubual separa berstruktur ini mempunyai satu set soalan asas, walau bagaimanapun, proses temubual ini menggabungkan beberapa soalan tambahan yang muncul apabila temubual ini dijalankan. Selepas sesi temubual selesai dilaksanakan, penyelidik memulakan proses menganalisis maklumat. Para penyelidik memulakan proses mengatur dan menyediakan data untuk analisis, yang melibatkan transkripsi sesi temu bual separa berstruktur dan catatan penyelidik. Selepas itu, penyelidik memulakan kajian keseluruhan set data untuk mendapatkan pemahaman yang komprehensif mengenai input yang dinyatakan oleh responden. Para penyelidik juga menilai kedalaman keseluruhan data dan kebolehpercayaan data. Kemudian, penyelidik memulakan proses pengkodan semua data menggunakan perisian Atlas.ti.

DAPATAN KAJIAN

Ciri-ciri Bahan Bantu Mengajar

Hasil dapatan temu bual bersama guru bahasa Arab menunjukkan beberapa elemen khusus yang penting dalam menghasilkan bahan bantu mengajar yang efektif dalam meningkatkan kemahiran berkomunikasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Antara elemen bahan bantu mengajar sesuai yang dapat meningkatkan kemahiran komunikasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar bukan penutur jati dilihat terdiri daripada bahan bantu mengajar yang berasaskan teknologi. Kemahiran komunikasi bahasa Arab dapat ditingkatkan dengan penggunaan teknologi terkini terutama bagi penggunaan audio yang boleh didapati dari buku teks serta dari internet seperti aplikasi *Youtube*. Seperti yang dijelaskan oleh responden tiga:

“Saya guna audio ya audio biasanya saya akan bincang dengan kp. Untuk audio tu daripada panitia lah, biasa kita ada radio kita sendiri, kita akan pasang menggunakan qr kod yang ada dalam buku teks sendiri. Itu biasanya bahan bantu belajar untuk komunikasi. Ataupun Youtube la. Biasa juga digunakan sebab ya kalau youtube ni dia ada nyanyi kan lagu kan”.

[Responden 3, 3:16]

Selain itu, penggunaan teknologi sebagai bahan bantu mengajar dapat meningkatkan kemahiran komunikasi bahasa Arab pelajar. Penggunaan bahan bantu mengajar seperti gambar, kad imbasan, komputer, LCD serta iPad dengan aktiviti yang bersesuaian dengan tajuk dan tahap pelajar dapat membantu pelajar berinteraksi dan berkomunikasi dengan baik serta dapat mengelakkan pelajar

daripada berasa bosan. Responden ketiga juga menjelaskan bahawa pendekatan guru yang menggunakan teknologi sebagai bahan bantu mengajar dapat meningkatkan bukan sahaja kemahiran komunikasi bahasa Arab malah kemahiran penggunaan teknologi dan aplikasi juga dapat dipraktikkan.

“Tapi dengan menggunakan aplikasi ikut mereka lah nak guna Capcut ke, asalkan video tu sampai dalam bentuk yang menarik”
[Responden 3, 3:27]

Selain itu, penggunaan bahan maujud juga merupakan antara bahan bantu mengajar yang mampu meningkatkan kemahiran komunikasi bahasa Arab pelajar. Kepelbagaian bahan bantu mengajar yang berkonsepkan bahan maujud mampu menjadikan suasana pengajaran dan pembelajaran lebih menarik dan aktif dengan penggunaan bahan maujud seperti kad manila, kad bingo dan kertas mahjong. Perkara ini ditekankan oleh beberapa orang responden satu, lima dan enam, berikut adalah kenyataan mereka berkaitan perkara ini;

“Lepas tu mewarna warnikan suasana kita dengan BBM, kertas kertas A4 ataupun manila-manila kad untuk aktiviti bahasa Arab.”
[Responden 1, 3:46]

“Dan yang terbaik juga adalah bahan maujud. Contoh: kita buat bingo guna kertas mahjong atau, kotak beracun.”
[Responden 5, 3:19]

“Dan pastikan BBM tu menarik lah. Contohnya dari segi pelbagai warna, dari segi permainan warna. Contohnya kertas dak, dari sehelai kertas tu kita jangan guna A4 putih sahaja. Kita boleh guna A4 yang colour-colour, ataupun marker yang warna berlainan.”
[Responden 6, 3:42]

Berdasarkan temu bual separa berstruktur yang telah dijalankan, terdapat beberapa responden yang menyatakan bahawa aspek mobiliti merupakan antara elemen yang penting dalam membuat pemilihan bahan bantu mengajar yang sesuai terutama dalam meningkatkan kemahiran komunikasi bahasa Arab pelajar. Elemen mobiliti merupakan elemen yang dititik beratkan oleh para responden dalam membuat pemilihan bahan bantu mengajar bahasa Arab. Bahan bantu mengajar yang boleh dikitar semula juga merupakan aspek yang diambil kira oleh responden.

Seterusnya, elemen lain yang diambil kira oleh responden dalam pemilihan bahan bantu mengajar yang sesuai dalam meningkatkan kemahiran komunikasi bahasa Arab pelajar ialah kreativiti. Hal ini diungkapkan oleh beberapa responden ketika temu bual dijalankan;

“Jadinya kita cuba cari kreativiti masing-masing untuk mewujudkan bahan tu.”
[Responden 6, 3:48]

Hasil daripada temubual yang dinyatakan responden, dapat disimpulkan bahawa elemen pemilihan bahan bantu mengajar menurut para responden mengambil kira aspek kreativiti dari seseorang guru itu sendiri ataupun menggalakkan kreativiti daripada pelajar itu sendiri dalam masa yang sama meningkatkan kemahiran komunikasi bahasa Arab. Kreativiti memainkan peranan penting dalam membangunkan bahan bantu mengajar yang meningkatkan kemahiran komunikasi pelajar dalam bahasa Arab. Apabila guru menggunakan pendekatan imaginasi untuk mereka bentuk bahan, mereka menarik perhatian pelajar dan mencipta pengalaman pembelajaran yang lebih menarik. Menggunakan multimedia, permainan interaktif, main peranan dan kaedah inovatif lain membolehkan pelajar meneroka dan memperhalusi kemahiran komunikasi mereka dalam konteks yang pelbagai, memupuk persekitaran pembelajaran yang dinamik dan menyeronokkan.

Selain itu, bahan bantu mengajar yang kreatif menyumbang kepada pembangunan pemikiran kritis dan kemahiran komunikasi kolaboratif. Penyampaian maklumat menerusi cara yang tidak konvensional, dapat mempromosikan pemikiran yang menghargai kreativiti dan keaslian. Melalui projek kumpulan, pembentangan interaktif dan perbincangan yang dibimbing oleh bahan kreatif, pelajar belajar untuk meluahkan idea mereka, mendengar secara aktif, dan bekerjasama secara berkesan,

membantu untuk meningkatkan tahap komunikasi dalam bahasa Arab terutama semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Berdasarkan hasil dapatan, terdapat beberapa ciri-ciri bahan bantu mengajar yang perlu dititikberatkan oleh para guru dalam usaha meningkatkan kemahiran berkomunikasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Antara ciri-ciri yang dicadangkan oleh responden ialah penggunaan bahan bantu mengajar bercirikan teknologi, penggunaan bahan maujud, bahan bantu mengajar yang mobiliti serta bahan bantu mengajar yang mengasah kreativiti murid. Kesemua ciri-ciri ini dapat membantu dalam meningkatkan tahap komunikasi pelajar dalam bahasa Arab.

Perancangan Bahan Bantu Mengajar

Elemen bahan bantu mengajar memerlukan perancangan yang baik dalam usaha meningkatkan kemahiran komunikasi bahasa Arab pelajar. Dalam tema elemen perancangan bahan bantu, terdapat tiga sub tema berkaitan iaitu perancangan komunikasi, perancangan kemahiran dan rancangan pengajaran harian. Perancangan bahan bantu mengajar yang berteraskan komunikasi adalah salah satu elemen yang dititikberatkan oleh responden dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dan usaha meningkatkan komunikasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Perancangan tersebut termasuklah pemilihan topik, pemilihan bahan mengajar yang menyokong tajuk dan keperluan pelajar serta kandungan dan aktiviti seperti dinyatakan oleh responden:

“Komunikasi maksud dia bercakap lah kan dak, jadi rasanya apa yang terbaik adalah hiwar, kita lakukan hiwar dalam kelas tu kita buat perbualan, okey ataupun mungkin lakonan juga kan pelajar kan memang suka berlakon kan ha tapi kita kena bantu lah dari segi kita nak bagi apa yang dia kena bercakap tu, kalau tidak dia pun tak tahu nak cakap apa, kita kena bantu dari segi itu juga.”

[Responden 3, 3:15]

Selain itu, elemen kemahiran berbahasa utama merupakan elemen yang diterapkan di dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). KSSM menekankan kemahiran berbahasa dalam silibus subjek bahasa Arab. Oleh itu, para responden bersetuju peranan perancangan kemahiran yang diajar semasa di dalam kelas mempunyai hubungan mengenai pemilihan bahan bantu mengajar yang sesuai dengan kemahiran komunikasi bahasa Arab. Pengajaran bahasa Arab yang berteraskan empat kemahiran utama mestilah bersesuaian bahan bantu mengajar yang dipilih bagi mencapai objektif pengajaran. Hal ini dijelaskan dalam temubual bersama responden;

“Macam mana kita nak pilih bahan yang kita nak guna untuk ajar subjek Arab mestilah ikut maharat kalau subjek bahasa Arab sebab kalau kita tengok pada zohir la, empat maharat tu memang beza kan. Jadi BBM pon boleh jadi tak kena kalau kita salah pilih.”

[Responden 8, 3:13]

“Maharat tu kita rujuk dari RPT dan buku teks. Sebab kalau saya lah, buku teks ni jadi awal dari pengajaran yang saya nok ajar. Saya ambil dulu konten yang ada dalam buku teks tu sebelum saya pindahkan konten-konten tu ke bbm yang lain.”

[Responden 7, 3:12]

Oleh yang demikian, jelas menunjukkan bahawa perancangan pemilihan bahan bantu mengajar yang bersesuaian dengan kemahiran utama bahasa Arab bagi mencapai objektif pengajaran. Penggunaan bahan bantu mengajar yang berkait dengan kemahiran berkomunikasi adalah sangat penting bagi meningkatkan kekerapan komunikasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

Perancangan pengajaran harian juga merupakan elemen yang dititikberat oleh responden usaha membuat pemilihan bahan bantu mengajar yang sesuai bagi meningkatkan kemahiran komunikasi bahasa Arab pelajar secara berkesan. Perangkaan objektif memainkan peranan yang penting dalam memastikan para guru dapat menyediakan bahan bantu mengajar yang sesuai dan dapat mencapai objektif pengajaran. Proses perangkaan ini perlu diperhalusi agar dapat memastikan bahan bantu mengajar yang dihasilkan memberi penekanan kepada tahap berkomunikasi pelajar di dalam kelas terutama aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Keberkesanan Bahan Bantu Mengajar

Berdasarkan hasil kajian yang diperoleh, pengkaji juga mendapati bahawa terdapat elemen keberkesanan dalam memastikan bahan bantu mengajar yang dipilih bersesuaian dan berkesan bagi meningkatkan kemahiran komunikasi bahasa Arab dalam kalangan para pelajar. Terdapat dua sub tema yang dikesan dari elemen keberkesanan iaitu kesesuaian bahan bantu mengajar dan refleksi. Bagi memastikan keberkesanan bahan bantu mengajar, elemen kesesuaian dititik beratkan oleh para responden. Pemilihan bahan bantu mengajar merupakan salah satu perkara yang diambil berat oleh para responden dalam meningkatkan kemahiran komunikasi bahasa Arab pelajar sama ada kesesuaian bagi maharat ataupun tahap dan masalah pelajar.

“Maksudnya boleh tak kalau kita guna bahan bantu mengajar ni untuk pelajar sekian-sekian. Pelajar ni ada masalah ni, maksudnya itu antara salah satu yang saya pastikan sama ada bahan yang saya mengajar itu sesuai dok sebab kita bila kita bincang, mungkin dia lebih banyak cadangan daripada cikgu lain”.

[Responden 3, 3:36]

Kesesuaian bahan bantu mengajar memainkan peranan yang sangat penting dalam meningkatkan tahap komunikasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Penggunaan bahan bantu yang sesuai tidak hanya berfokus kepada pemahaman kandugan pengajaran, tetapi juga dapat meningkatkan proses pembelajaran secara keseluruhan termasuklah komunikasi di dalam kelas. Perancangan bahan bantu mengajar yang menyokong proses pengajaran semestinya dapat meningkatkan tahap keupayaan kemahiran pelajar di peringkat optimum. Selain itu, kesesuaian bahan bantu mengajar juga memainkan peranan dalam membezakan pengajaran. Kepelbagaian jenis bahan bantu mengajar, guru dapat menyesuaikan pendekatan pembelajaran untuk meningkatkan kefahaman dan keperluan pelajar yang pelbagai.

Seterusnya, ekoran dari temu bual yang telah dijalankan, elemen refleksi juga penting dalam memastikan keberkesanan bahan bantu mengajar yang dijalankan dapat meningkat tahap komunikasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Terdapat beberapa responden yang menyatakan bahawa keberkesanan bahan bantu mengajar dapat dikenalpasti melalui pelaksanaan refleksi terhadap pengajaran yang telah dilaksanakan. Sesi refleksi ini boleh dijalankan bersama guru-guru lain menerusi perbincangan, refleksi sendiri, serta pemerhatian. Aktiviti yang dirancang perlu selari dengan bahan bantu mengajar agar dapat mencapai objektif serta meningkatkan tahap kemahiran berkomunikasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

PERBINCANGAN

Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi pengkaji mendapati bahawa terdapat tiga tema atau aspek yang perlu ditekankan dalam meneroka elemen bahan bantu mengajar yang sesuai yang dapatan meningkatkan kemahiran komunikasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar iaitu ciri-ciri bahan bantu mengajar, perancangan bahan bantu mengajar dan keberkesanan bahan bantu mengajar.

Berkaitan elemen ciri-ciri bahan bantu mengajar, pengkaji mendapati bahawa bahan bantu mengajar yang berteraskan teknologi merupakan antara strategi berpusatkan bahan yang menjadi pilihan para guru dalam meningkatkan kemahiran komunikasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Hal ini disokong oleh dapatan kajian oleh Samah et al. (2013) dan Mudinillah (2019) yang menyatakan bahawa penggunaan bahan-bahan pembelajaran perlu dipertingkatkan terutama bagi penggunaan teknologi seperti komputer dan internet bagi mempertingkatkan hasil pembelajaran terhadap pelajar dalam konteks kemahiran lisan bahasa Arab.

Ekoran kemunculan era Revolusi Industri 4.0, perubahan ini dilihat memberi impak kepada penggunaan bahan dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi mampu menambah keyakinan pelajar apabila berkomunikasi dalam bahasa Arab. Menurut Daud et al. (2022), mendapati bahawa penggunaan video dari platform *Youtube* mampu meningkatkan keyakinan pelajar dalam menguasai kemahiran bertutur disebabkan video tersebut memberikan gambaran gerak geri badan serta sebutan bahasa secara serentak.

Selain itu, penggunaan bahan maujud dalam pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan kemahiran komunikasi bahasa Arab pelajar adalah merupakan salah satu pendekatan yang berkesan. Penggunaan bahan maujud sebagai bahan bantu mengajar dapat menarik minat perhatian pelajar seperti kertas warna yang pelbagai dan kertas mahjong. Penggunaan bahan bantu mengajar juga dapat memperjelaskan pengajaran guru serta berupaya menambahkan kelancaran pengajaran mereka (Zaini et. al., 2020b). Hal ini bertepatan dengan dapatan kajian ini berkaitan penggunaan bahan bantu mengajar menggunakan bahan maujud seperti bingo, kad manila, kotak beracun, dan lain-lain.

Di samping itu, elemen kreativiti dalam penggunaan dan pemilihan bahan bantu mampu mempengaruhi tahap kemahiran komunikasi bahasa Arab pelajar. Guru seharusnya kreatif dalam membuat pemilihan bahan bantu mengajar yang dapat diperoleh sama ada dalam bentuk bahan maujud atau teknologi. Guru yang kreatif mampu memaksimumkan penggunaan bahan yang berada di persekitaran guru atau pelajar agar pembelajaran dijalankan dilihat menarik. Mohammad Taufiq dan Wan Ab Aziz (2018) berpendapat bahawa penggunaan elemen multimedia dan teknologi terkini dapat menyumbang kepada pengajaran yang lebih menarik serta mampu menimbulkan minat pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran.

Selain penerapan ciri-ciri khusus dalam penggunaan bahan bantu mengajar, guru mestilah membuat perancangan terhadap bahan bantu mengajar yang ingin dipilih sebagai strategi pembelajaran berpusatkan bahan. Berdasarkan kepada hasil temubual menunjukkan bahawa perancangan dalam membuat atau memilih bahan bantu mengajar yang mampu meningkatkan kemahiran komunikasi bahasa Arab mestilah mengandungi elemen komunikasi itu sendiri. Menurut dapatan, pemilihan bahan bantu mengajar yang mendorong pelajar untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab seperti teks bahasa Arab bagi aktiviti perbualan atau lakonan perlu digunakan oleh guru bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan. Hal ini juga bertepatan dengan kajian Zaini et al. (2019) yang berpendapat bahawa penyediaan bahan bantu mengajar yang mengandungi elemen komunikasi seperti bahan dialog yang menggunakan teknik soal jawab dan memerlukan respons dari pelajar berdasarkan bahan yang diberikan. Hal ini mampu memberikan peluang kepada para pelajar untuk memberikan maklum balas kepada soalan yang diajukan sama ada oleh guru atau sesama pelajar.

Berdasarkan hasil kajian juga didapati bahawa pemilihan bahan bantu mengajar juga mestilah bertepatan dengan kemahiran yang ingin diajarkan oleh guru. Hal ini kerana pembelajaran bahasa Arab terbahagi kepada empat kemahiran berbeza yang menyebabkan sesetengah bahan bantu mengajar tidak sesuai digunakan dalam pembelajaran (Mior Syazril, 2015). Oleh itu, perancangan yang baik haruslah dilakukan oleh guru dalam mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran seperti pembinaan rancangan pengajaran harian.

Tambahan, guru juga mestilah membuat perancangan dalam pemilihan bahan bantu mengajar melalui pembinaan rancangan pengajaran harian dalam usaha memilih bahan bantu mengajar yang terbaik yang dapat meningkatkan kemahiran komunikasi bahasa Arab pelajar. Dalam memastikan bahan yang digunakan bersesuaian dengan objektif pengajaran, rancangan perlulah dirangka dengan baik agar dapat mengelakkan daripada timbul masalah pelajar tidak menguasai pembelajaran serta pelajar mudah bosan. Oleh itu, pemilihan bahan bantu mengajar mestilah diteliti secara terperinci melalui rancangan pengajaran harian agar pengajaran dijalankan dengan efektif. Hal ini disokong oleh Samah et al., (2020) yang mengatakan bahawa guru perlu meneliti proses pemilihan bahan bantu mengajar secara terperinci berdasarkan aspek perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian.

Elemen keberkesanan terhadap bahan bantu mengajar yang digunakan oleh guru perlu diberikan penekanan dalam mencapai objektif pengajaran iaitu meningkatkan kemahiran komunikasi bahasa Arab pelajar. Guru mampu mengukur tahap keberkesanan terhadap bahan bantu mengajar yang digunakan dengan melihat kepada kesesuaian terhadap kemahiran yang ingin diberikan fokus. Menurut hasil dapatan kajian, terdapat responden yang menyatakan bahawa bahan bantu mengajar yang ingin digunakan mestilah bersesuaian dengan tahap penerimaan pelajar serta bersesuaian dengan masalah yang dialami oleh pelajar dalam pembelajaran komunikasi bahasa Arab.

Selain itu, elemen keberkesanan terhadap bahan bantu mengajar yang digunakan juga dapat dikenalpasti melalui pelaksanaan refleksi terhadap pengajaran dan pembelajaran yang telah dijalankan. Elemen keberkesanan adalah penting bagi guru dalam menentukan sama ada bahan yang digunakan bersesuaian atau boleh digunakan semula atau tidak pada sesi pengajaran dan pembelajaran akan datang. Hal ini membolehkan guru melakukan penambahbaikan terhadap bahan bantu mengajar yang digunakan agar pembelajaran dilaksanakan lebih efektif terhadap pelajar.

Dapatan ini selari dengan kajian oleh Zakaria et al., (2019) yang menyatakan bahawa pelaksanaan refleksi berdasarkan bahan yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran dibuat melalui penulisan jurnal reflektif penting bagi meneliti isu dan masalah yang timbul, cara penyelesaian masalah, membuat keputusan dan memberikan cadangan berdasarkan data dan pengalaman yang pelajar perolehi sepanjang menyertai proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini membolehkan guru mengenalpasti keberkesanan sesuatu bahan yang telah digunakan.

Oleh itu, penerapan elemen, khususnya yang berteraskan teknologi, memberikan kesan positif terhadap keyakinan pelajar, seperti penggunaan video dari platform *Youtube* yang dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Perancangan yang baik dalam pemilihan bahan bantu mengajar juga merupakan faktor penting, dengan penekanan pada elemen komunikasi dan kesesuaian dengan kemahiran yang ingin diperolehi. Selain itu, aspek keberkesanan bahan bantu mengajar perlu diberi penekanan, dengan refleksi terhadap pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan, membolehkan guru membuat penambahbaikan dan meningkatkan keberkesanan bahan yang digunakan. Secara keseluruhan, penekanan pada tiga elemen ini dapat membantu guru dalam menyusun bahan bantu mengajar yang lebih efektif dan sesuai untuk meningkatkan kemahiran komunikasi bahasa Arab pelajar.

KESIMPULAN

Kajian ini meneroka keperluan elemen-elemen yang meyokong bahan bantu mengajar untuk meningkatkan tahap komunikasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Berdasarkan temubual yang telah dijalankan dalam kalangan guru bahasa Arab di daerah Setiu, Terengganu menunjukkan terdapat tiga elemen utama yang meyokong bahan bantu mengajar untuk meningkatkan tahap komunikasi dalam kalangan pelajar iaitu ciri-ciri bahan bantu mengajar, perancangan bahan bantu mengajar dan keberkesanan bahan bantu mengajar. Ketiga-tiga elemen ini diperlukan semasa membangunkan bahan bantu mengajar agar dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi dalam kalangan pelajar. Para guru seharusnya menitikberatkan elemen-elemen ini dalam penyediaan bahan bantu mengajar bagi memastikan objektif pembelajaran dapat dicapai dengan sempurna dan meningkatkan tahap berkomunikasi bahasa Arab secara optimum selari dengan kurikulum yang telah disediakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Oleh itu, untuk penyelidikan akan datang, adalah disyorkan untuk menjalankan kajian kuantitatif untuk pengesahan elemen yang telah diterokai melalui edaran soal selidik dalam kalangan guru bahasa Arab di negeri Terengganu.

RUJUKAN

- Daud, A. F. C., Mustapha, N. F., & Hajimaming, P. (2022). Problems in Arabic Writing Skills among Malay Students in Malaysia: A Review. *Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(1), 2028-2039.
- Ghani, M. T. A., & Daud, W. A. A. W. (2023). The Impact of Digital Game-Based Learning Towards Arabic Language Communication. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*.
- Mior Syazril, M. S. (2015). *Amalan Penggunaan Lughatul Faslî dalam Pengajaran Jurulatih Utama Bahasa Arab Sekolah Rendah*
- Mohammad Taufiq, A. G. & Wan Ab Aziz, W. D. (2018). Adaptation Of Addie Instructional Model In Developing Educational Website For Language Learning. *Global Journal of At- Thaqaifah*, 7-16.
- Mudinillah, A. (2019). The Development of Interactive Multimedia Using Lectora Inspire Application in Arabic Language Learning. *Jurnal Iqra' : Kajian Ilmu Pendidikan*, 4(2), 285-300.
- Samah, R., Hamid, M. F. A., Sha'ari, S. H., & Mohamad, A. H. (2013). Aktiviti pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan jurulatih debat. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 13(2).
- Samah, R., Isahak, A., & Ahmad, W. A. (2020). Amalan Guru Cemerlang Dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Bahasa dan Sastera Arab Mengikut Strategi Ibnu Khaldun. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 37-54.
- Saufi, S. F. M., & Arifin, Z. (2023). Sumbangan Alumni Universiti Timur Tengah terhadap Perkembangan Bahasa Arab di Malaysia serta Cabaran yang Dihadapi [The Contribution of Middle East University Alumni to

- the Development of the Arabic Language in Malaysia and the Challenges Faced]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 6(2), 201-219.
- Siti Salwa, M. N., & Norasyikin, O. (2021). Using the Zappar application (AL-ARABIYYAH@ ZAPPAR) to teach Arabic to non-Arabic speakers.
- Zaini, A. R., Rahman, R. A., & Hasan, Y. (2020b). Saiz Kosa Kata Bahasa Arab dan Hubungannya dengan Tempoh Pembelajaran Bahasa dalam Kalangan Bukan Penutur Jati. *Jurnal Pengajian Islam*, 13(2), 123-135.
- Zaini, A. R., Zakaria, N. S., Ismail, M. R., Ghazali, M. R., & Hamdan, H. (2020). Kompetensi guru bahasa arab sekolah rendah di malaysia: Competency of arabic teachers in primary school in Malaysia. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 7(1), 103-113.
- Zaini, A. R., Zakaria, N., Hamdan, H., Ghazali, M. R., & Ismail, M. R. (2019). Pengajaran Bahasa Arab Di Malaysia: Permasalahan Dan Cabaran. *Jurnal Pengajian Islam*, 47-57.
- Zakaria, G. A. N., & Mahalle, S. (2017). Kajian amalan pengajaran guru bahasa Arab sekolah menengah di negara Brunei Darussalam. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 3(1), 1-40.
- Zakaria, N. S., Norul 'Azmi, N. A., & Baharuddin, H. (2019). Kemahiran Komunikasi Bukan Lisan: Satu Kajian Terhadap Guru Pelatih Bukan Opsyen dalam Pengajaran Bahasa Arab: Nonverbal Communication Skills: A Study Among Non-Option Trainee Teachers in Teaching Arabic Language. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 3(2), 1–10. <https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v3i2.29>
- Zamri, N. A., Baharudin, H., Jaapar, S. A., Razak, A. A., Sharif, Z. M., & Mohamad, N. F. (2019). Motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Arab. *International Workshop and Conference of Asean Studies in Islamic and Arabic Education Linguistics, Social Sciences and Educational Technology* (pp. 1-19).
- Zulharby, P., Rasyid, Y., & Nuruddin. (2019). The characteristics of Teaching Material Arabic Speaking Skills in Higher Education. *Jurnal al-Bayan: Jurnal Jurusan Pendidikan Bahasa Arab*, 11(2): 194-213.